

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوْبِقْ رَسِيْقِي تَيْكُوْ اَلْوَيْلِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

OFFICE OF INTERNATIONAL AFFAIRS (OIA)
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

ZAINAB BT HAJI MOHD. NOOR

KETUA UNIT KUALITI :

NURUL AIN BINTI ABDULLAH SANI

PENYELARAS :

EVA SALMEE BINTI MOHD SALLEH

PENULIS :

1. ABDUL RAUF BIN ABDUL RASAM
2. ZAINAB BT HAJI MOHD. NOOR
3. IDAYA HUSNA BINTI MOHD
4. ROHASLINDA BINTI RAMELE @ RAML
5. ASMAHAN BT ABD RAZAK
6. NURUL AIN BINTI ABDULLAH SANI
7. MASRIA BINTI MUSTAFA

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2020 merupakan tahun pemangkin perubahan corak norma kehidupan dan gaya hidup masyarakat secara global akibat pandemik Covid-19. Lanskap ekonomi, politik dan sosial negara juga mengalami perubahan drastik kesan daripada kewujudan koronavirus yang menjangkiti dunia pada Januari 2020. Sektor Pendidikan Tinggi khususnya Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa (OIA), UiTM juga tidak terkecuali menerima kesan signifikan impak daripada Covid-19. Ketika kerajaan memperkasakan Perintah Kawalam Pergerakan (PKP) tahap pertama, barisan Kepimpinan Kanan atau *team* Pengurusan OIA telah merangka dan mengambil langkah proaktif bagi memastikan sistem pengurusan dan tadbir urus sedia ada dapat menampung perubahan norma baru yang perlu ditangani dengan persediaan yang rapi. Kesan paling nyata adalah perubahan cara bekerja secara dalam talian yang menuntut budaya kerja yang fleksibel bagi menggantikan aktiviti bersemuka yang lazimnya diamalkan sebelum ini. Ia selaras dengan Tema Amanat Naib Canselor Tahun 2020 “Menyerlah Potensi, Membentuk Masa Hadapan: Merencanakan Kerjasama Pintar ke Arah Jenama Global”.

Pandemik Covid-19 juga telah menjadi agen transformasi kepada team pengurusan OIA berfikir di luar kelaziman selain memberi tumpuan kepada pengurusan risiko dan perancangan senario bagi meminimumkan impak kepada institusi. Disebalik kesan negatif Covid-19, pandemik ini juga banyak memberi pengetahuan dan pengalaman baru kepada *team* pengurusan OIA dalam mengendalikan hal ehwal pengantarabangsaan khususnya program mobiliti pelajar secara atas talian atau *virtual mobility program*. Sesi perkongsian ilmu secara global bersama pemegang taruh juga telah diberi nafas baru dan dijalankan sepenuhnya di atas talian. *Team* Pengurusan OIA juga komited dalam menjayakan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan atau SDGs. Secara tidak langsung, Covid-19 telah membuka ruang kepada team OIA untuk lebih kreatif dan komited dalam mengarusperdanakan “Program Mobiliti Pelajar dalam Talian” dan “Perkongsian Ilmu dalam Talian Peringkat Global”.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Team Pengurusan OIA komited dalam memastikan keberhasilan pengurusan dan pembangunan pelajar dicapai. Penglibatan kepimpinan khususnya Pengarah secara terus dalam proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan, semak semula dan tindakan penambahbaikan telah menghasilkan pencapaian PI yang membanggakan.

SENARAI BUKTI:

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa (OIA) telah menggariskan tiga belas inisiatif yang dilaksanakan secara tersusun bagi memantapkan tadbir urus serta menggerakkan bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar Antarabangsa di UiTM.

SENARAI BUKTI :

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

SENARAI BUKTI:

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

SENARAI BUKTI :

1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

SENARAI BUKTI :

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Office of International Affairs (OIA) di UiTM berperanan dalam menyemarakkan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan universiti selari dengan pencapaian empat tahun (2016-2019)UiTM melalui teras kedua, kecemerlangan global. Pihak OIA telah di berikan 4 petunjuk prestasi oleh Bahagian Transformasi Universiti iaitu (1) jumlah MoU/MoA yang ditandatangani bersama universiti Antarabangsa, (2) jumlah MoU/MoA yang di tandatangi bersama Top 300 QS World ranking University, (3) Jumlah pelajar inbound mobility dan (4) Jumlah pelajar Outbound Mobility. Di dalam usaha untuk melaksanakan dan memenuhi petunjuk prestasi ini, OIA telah merangka pelan strategik yang dapat membantu mencapai matlamat UiTM. Ini adalah sejajar dgn pelan strategik UiTM 2025 yang dibangunkan berdasarkan kerangka strategik yang mengambil kira dan mengintegrasikan dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta trend global. Prestasi semasa universiti dapat dilihat melalui semakan Rancangan Malaysia UiTM Ke-11 dan laporan prestasi UiTM 2016–2019. Bagi mendokong hasrat pelan strategik UiTM2025 untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025, matlamat ini digalas oleh OIA mengikut hala tuju universiti menerusi teras strategik kedua iaitu Kecemerlangan Global.

Setelah dunia di landa wabak pandemik Covid-19, OIA juga turut terkesan dgn aktiviti pengantarabangsaan yang tiba-tiba lumpuh seketika. Walaubagaimanapun, OIA telah bangkit semula dengan penstrategian baru di dalam menyemarakkan semula aktiviti pengantarabangsaan di UiTM. Penstrategian semula ini melihatkan OIA menggunakan strategi atas talian bagi keseluruhan aktiviti yang di jalankan termasuk proses pemantauan. Proses pemantauan pula dijalankan secara keseluruhan keatas pemantauan kelestarian MoU/MoA dan juga pemantauan aktiviti mobiliti pelajar secara inbound dan outbound melalui VC's Tracking.

Secara strategik nya, strategi baru melalui norma-norma baru telah menciptakan seribu kemungkinan bagi OIA untuk “Jumping continent” dalam menyemarakkan lagi aktiviti antarabangsa. Atas inisiatif secara atas talian ini, terdapat peningkatan bukan sahaja dari jumlah MoU/MoA malah pergerakan mobiliti pelajar inbound dari 1214 hingga 1259 pelajar, mobiliti pelajar outbound dari 950 hingga 1372 pelajar dan mobiliti inbound kakitangan dari 111 hingga 518 kakitangan pada tahun 2020.

Pihak OIA akan mengekalkan Strategi norma baharu secara atas talian ini untuk tahun menempuhi tahun 2021 yang masih dibelenggu pandemik Covid-19. Penambahbaikan akan di lakukan keatas dan juga mempercepatkan proses menandatangani MoU/MoA di antara PTJ dan rakan universiti antarabangsa. Sekiranya Pandemik berakhir, kaedah secara atas talian ini akan tetap diteruskan kerana konsep “Jumping Continent” secara maya adalah satu inisiatif yang terbaik melihat kepada peningkatan jumlah kolaborasi dan juga MoU/MoA yang terjalin.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Umumnya, posisi Office of International Affairs (OIA) di UiTM adalah bertujuan untuk menyemarakkan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan universiti. Objektif ini adalah selari dengan pencapaian empat tahun (2016-2019) universiti dibentangkan berdasarkan kepada tiga (3) teras strategik iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai.

Di OIA, peranan utama pejabat ini adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa bersama universiti, institusi antarabangsa dan juga Kedutaan asing di Malaysia. Jalinan promosi antarabangsa yang di adakan di konferensi antarabangsa juga adalah strategi untuk membuka jalan bagi kerjasama antarabangsa ini. Kerjasama antarabangsa ini akan di meterai dengan menandatangani memorandum persefahaman atau memorandum perjanjian antara UiTM dan universiti atau institusi antarabangsa. Melalui hubungan kerjasama antarabangsa dan jalinan promosi ini, program program seperti program pertukaran pelajar, Program musim panas (Summer Programme), program pertukaran staf, kerjasama penyelidikan, kerjasama konferensi, program kolaborasi akademik, program aktiviti pelajar dan juga kemasukan pelajar antarabangsa dapat dibentuk dan dijalankan dengan lancar (lampiran 2.2 a).

Secara strategik nya, program-program antarabangsa ini, terutama nya program mobiliti pelajar dan staff adalah bukan sahaja untuk membentuk ketrampilan para pelajar dan staff, malah dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa asing, memperkasakan pemahaman budaya sesama negara, serta membina minda bertaraf global di kalangan pelajar dan juga staf. Ini secara tidak langsungnya dapat mempertingkatkan kadar kebolehpasaran pelajar, ketampakan UiTM di peringkat global dan juga menaikkan ranking UiTM dan kecemerlangan global. Perkongsian dan jalinan kerjasama bersama universiti antarabangsa telah menjadi keutamaan di OIA dalam memastikan penglibatan berterusan, seterusnya memastikan UiTM terus relevan.

Pihak OIA telah di berikan 4 petunjuk prestasi oleh Bahagian Transformasi Universiti iaitu (1) jumlah MoU/MoA yang ditandatangani bersama universiti Antarabangsa, (2) jumlah MoU/MoA yang di tandatangani bersama Top 300 QS World ranking University,

(3) Jumlah pelajar inbound mobility dan (4) Jumlah pelajar Outbound Mobility (lampiran 2.2 b & c). Di dalam usaha untuk melaksanakan dan memenuhi petunjuk prestasi ini, OIA telah merangka pelan strategik yang dapat membantu mencapai matlamat UiTM. Antaranya adalah mengekalkan kelestarian Mou/Moa agar bilangan MoU/MoA akan terus meningkat menerusi pengenalpastian tarikh luput MoU/MoA, mengadakan kolaborasi bersama universiti antarabangsa menerusi Summer program dan seterusnya menjalinkan kerjasama MoU/MoA, mengenalpasti staf yang pernah atau sedang melanjutkan pengajian pascasiswazah di universiti antarabangsa serta menghadiri konferensi akademik antarabangsa yang dianjurkan oleh organisasi antarabangsa seperti EURIE, QS APPLE, QS MAPLE, APAIE dan Times Higher Education. Usaha juga giat dijalankan antaranya seperti mengenalpasti kepadanan bidang kepakaran dan juga menyertai program program tidak berbayar anjuran universiti antarabangsa dan juga universiti dari QS Top 300 Universities (Lampiran 2.2 d).

Namun, dunia dikejutkan dengan penyebaran pandemik Covid-19 yang sedikit sebanyak melumpuhkan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan universiti. Walaubagaimanapun, pihak OIA telah berjaya mengubah pelan strategik dengan cepat untuk memastikan UiTM sentiasa relevan dan kekal aktif walaupun di zaman pandemik.

... dan strategi yang digunakan dalam menangani operasi dan secara bersemasia ke atas talian serta inisiatif COVID-19 (Lampiran 2.2e).

SENARAI BUKTI:

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan Strategik di Office of International Affairs (OIA) bertumpu kepada menjalinkan kerjasama antarabangsa bersama universiti dan institusi antarabangsa dan juga kedutaan asing di Malaysia dan seterusnya mengadakan aktiviti aktiviti antarabangsa bersama rakan antarabangsa terutamanya program mobiliti pelajar termasuk mobiliti inbound pelajar dan staff serta mobiliti outbound pelajar dan staff. Ini adalah sejajar dgn pelan strategik UiTM 2025 yang dibangunkan berdasarkan kerangka strategik yang mengambil kira dan mengintegrasikan dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta trend global (lampiran 2.3 a).

Bagi mendokong hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025, matlamat ini digalas oleh OIA mengikut hala tuju universiti menerusi teras strategik kedua iaitu Kecemerlangan Global. Strategi di dalam teras kedua ini mensasarkan untuk memastikan hala tuju usaha penyelidikan di UiTM terarah dalam mendahului keutamaan-keutamaan yang telah dikenal pasti. Usaha ini dapat menyediakan penyelesaian untuk cabaran-cabaran semasa dan akan datang melalui kolaborasi, MoU dan MoA dengan universiti-universiti tersohor dan industri dalam meletakkan hasil penyelidikan UiTM di peta dunia. Disinilah peranan OIA sebagai jambatan yang menghubungkan UiTM bersama rakan universiti dan institusi antarabangsa. Sememangnya termaktub di dalam perancangan strategik OIA yang juga selari dengan Performance Indicator dari Bahagian Transformasi Universiti di mana OIA mempunyai 4 PI iaitu PI 124 iaitu meningkatkan bilangan MoU atau MoA bersama universiti antarabangsa, PI 125 meningkatkan bilangan MoU atau MoA yang merupakan TOP 300 QS World Ranking University dan dua lagi PI yang melibatkan pelajar iaitu PI 13 jumlah pelajar Inbound dan PI 14 jumlah pelajar outbound.

Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 224 jumlah MoU dan MoA aktif (178 MoU dan 46 MoA aktif). Sebanyak 57 MoU baru dan 14 MoA baru dimeterai oleh UiTM dengan universiti luar negara. Terdapat peningkatan sebanyak 96 peratus MoU yang ditandatangani pada tahun 2019 dan peningkatan 57 peratus MoA bagi tahun 2019. Ini menunjukkan usaha PTJ di dalam memainkan peranan mereka dalam meningkatkan aktiviti pengantarabangsaan universiti khususnya di dalam bidang penyelidikan.

Bagi tahun 2020, jumlah MoU dan MoA aktif adalah sebanyak 364 (281 MoU dan 75 MoA aktif), yang melihatkan peningkatan sebanyak 62.5 % daripada tahun 2019. Tahun 2020 juga menyaksikan peningkatan kepada 6 Lol (Letter of Intent) serta 1 LoA (letter of Agreement) dan 1 LoU (Letter of Understanding). Pecahan MoU, MoA, Lol, LoA dan LoU adalah seperti di dalam infografik. Sebanyak 103 MoU baru dimeterai oleh UiTM dengan universiti luar negara seperti Indonesia, Filipina, India, German, Korea dan Jepun manakala 29 MoA dimeterai dengan universiti di Indonesia, Amerika Syarikat, Jepun, Afrika Selatan dan Thailand. Ini merupakan pencapaian yang baik walaupun negara dilanda pandemik Covid-19 yang membataskan pergerakan rentas negara. Walaubagaimanapun, dengan bantuan teknologi dan internet, hubungan antara UiTM dan universiti antarabangsa masih dapat di jalinkan. Atas kekangan untuk menggunakan khidmat pos dan kurier disebabkan pandemik Covid-19, inisiatif yang diperkenalkan memudahkan proses menandatangani MoU menggunakan kaedah eSigning juga membantu kepada peningkatan jumlah MoU dan MoA pada tahun ini (Lampiran 2.3 b & c).

SENARAI BUKTI :

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Di dalam memantau strategi yang telah di kenalpasti, pihak OIA juga telah mengambil inisiatif untuk memantau kemasukan dan tempoh tarikh luput MoU/MoA bagi memastikan aktiviti aktiviti mobiliti pelajar (inbound dan Outbound) serta 6 aktiviti aktiviti yang telah dinyatakan berjalan dengan lancar. Ini adalah kerana, aktiviti tidak akan dapat dijalankan dengan jayanya sekiranya MoU/MoA telah mencapai tarikh luput dan tidak diperbaharui.

Oleh itu, pemakluman tarikh luput MoU/MoA akan di hantar kepada Dekan, Rektor serta Pengarah di 52 Pusat tanggung Jawab (PTJ) di seluruh UiTM (Lampiran 2.4.1 a). OIA juga mempunyai 'agen' di setiap PTJ yang dipanggil OIA Liaison Officers (OIA LO) (Lampiran 2.4.1 b). OIA LO juga berperanan untuk memaklumkan kepada Jabatan International Cooperation, Training and Development (ICTD) tentang MoU/MoA baru yang di tandatangani di kalangan PTJ masing masing bersama universiti atau institusi antarabangsa (Lampiran 2.4.1 c).

Pemantauan kemasukan MoU/MoA di jalankan secara bulanan oleh pihak ICTD dan seterusnya akan melaporkan kepada pihak BTU mengikut pelaporan sukuan di peringkat University untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan (Lampiran 2.4 d). OIA juga giat memantau aktiviti-aktiviti antarabangsa yang di jalankan oleh PTJ melalui VC's Priority Tracking. Kadar kemasukan pelajar Mobiliti inbound dan Outbound juga dipantau melalui VC's Priority Tracking yang di kumpul setiap 3 bulan. Pemantauan ini dijalankan oleh Jabatan International Students Development (ISD)(Lampiran 2.4.1 d)

Di sebalik dunia berdukacita dengan kehadiran pandemik Covid -19, OIA pula semakin aktif menjalinkan kerjasama atas talian bersama universiti antarabangsa. OIA juga aktif menghadiri Konferensi Antarabangsa bagi menjalinkan hubungan baru bersama universiti antarabangsa. Pihak OIA sentiasa memantau konferensi antarabangsa yang di jalankan secara atas talian bagi menjalinkan kerjasama antarabangsa dan seterusnya menyemarakkan lagi aktiviti pengantarabangsaan. OIA juga giat menjalinkan hubungan bersama pihak kedutaan dan juga pejabat Education Malaysia di luar negara bagi memastikan kelancaran menjalinkan hubungan kerjasama bersama universiti antarabangsa (Lampiran 2.4.1 e)

Secara amnya, Pihak OIA telah banyak menjalin hubungan bersama universiti dari China di atas inisiatif kerjasama bersama Education Malaysia Beijing. Hasil

kerjasama ini, UiTM telah di jemput untuk menghadiri konferensi akademik, dialog akademik serta program mempromosikan UiTM yang secara tidak langsung membuka peluang kerjasama serta meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke malaysia melalui pengajian pascasiswazah mahupun program mobiliti pelajar.

SENARAI BUKTI:

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Tahun 2020 menyaksikan dunia diambil alih oleh Pandemi Covid -19. Secara tidak langsung seluruh aktiviti pengantarabangsa turut lumpuh. Walaubagaimanapun, dengan penstrategian semula oleh OIA telah menyaksikan kemeriahan aktiviti aktiviti antarabangsa yang berlangsung secara atas talian di UiTM sejak May 2020. Walaupun aktiviti secara atas talian telah menyaksikan peningkatan penjimatan perbelanjaan, namun terdapat juga risiko lain yang perlu di hadapi.

Antara risiko yang dihadapi ialah capaian internet memandangkan keseluruhan aktiviti kini di jalankan secara atas talian. Walaupun UiTM telah menyediakan capaian internet melalui Wifi di pejabat, namun kita masih terdedah dengan ketidakpastian. Begitu juga sekiranya di dalam mod Bekerja dari rumah (BDR) yang juga merupakan cabaran utama yang mempunyai risiko yang tinggi (Lampiran 2.4.2 a). Capaian internet kadang kadang sering terganggu mengikut faktor cuaca dan juga masalah masalah teknikal yang dihadapi oleh pembekal perkhidmatan. Risiko capaian internet ini tidak tertakluk kepada OIA di UiTM, risiko ini turut membelenggu pihak rakan universiti Antarabangsa di serata dunia. Ini adalah risiko yang agak besar kerana ia akan mengganggu perjalanan program atau mesyuarat yang di adakan.

Risiko lain yang dihadapi adalah di saat bekerja sama bersama rakan universiti dari negara China di mana terdapat limitasi penggunaan aplikasi yang biasa digunakan seperti semua aplikasi Google, Zoom dan Webex. Pihak organisasi dan rakan di universiti dari negara China seringkali menggunakan aplikasi dari negara mereka yang membuatkan kita terdedah dengan pelbagai kemungkinan ancaman atas talian (Lampiran 2.4.2 b).

Walaubagaimanapun, pihak OIA dan UiTM amatlah bertuah kerana mempunyai pasukan teknologi maklumat yang handal dan berkemahiran. Segala gangguan capaian internet akan sentiasa di tangani oleh pasukan teknologi maklumat universiti yang handal ini. Begitu juga dalam memastikan aplikasi aplikasi asing yang di cadangkan oleh pihak rakan universiti.

SENARAI BUKTI :

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pada tahun 2020, pihak OIA telah mengkaji semula Pelan Strategik dan telah mengambilkira perubahan norma baharu dengan kehadiran pandemik Covid-19. Keseluruhan operasi yang hampir lumpuh telah dijalankan secara atas talian termasuk mesyuarat kolaborasi, webinar, aktiviti bersama pelajar antarabangsa dan juga majlis menandatangani MoU/MoA bersama rakan universiti antarabangsa.

Mesyuarat kolaborasi mula diadakan secara atas talian sejak May 2020 bersama rakan universiti antarabangsa yang di kenali sewaktu menghadiri konferensi akademik pada tahun sebelumnya. Terdapat juga mesyuarat kolaborasi yang dilangsungkan bersama rakan universiti yang baru dihubungi melalui email sewaktu pandemik. Mesyuarat kolaborasi secara atas talian juga diadakan bersama pihak kedutaan dan juga bersama Bahagian Education Malaysia di United Kingdom , Beijing dan Dubai bagi menerokai peluang peluang yang ada.

Penglibatan OIA di dalam konferensi Akademik serta aktiviti mempromosikan UiTM di mata dunia juga telah di giatkan secara atas talian. Penstrategian semula ini telah melihatkan OIA bertindak secara pantas untuk mengambil peluang yang ada semasa pandemik, ini termasuk mengadakan webinar antarabangsa pertama di UiTM dengan negara China, Indonesia dan Amerika Syarikat. Program-Program yang dahulunya diadakan secara bersemuka kini dijalankan secara atas talian seperti Ambassadorial Lecture , International Partners Lecture Series serta International Students Orientation. Antara program baru yang diadakan di atas inisiatif penstrategian baru ialah Meet & Greet bersama pelajar antarabangsa diatas talian bagi memantau pelajar antarabangsa yang masih berada di malaysia mahupun yang tidak sempat datang ke malaysia dan mengikuti kursus di malaysia secara atas talian. Aktiviti aktiviti pelajar juga telah dijalankan secara atas talian bersama rakan universiti antarabangsa bagi menyemarakkan lagi aktiviti mobiliti inbound dan outbound pelajar UiTM khususnya (Lampiran 2.4.3 a).

Antara penstrategian semula yang berjaya ialah proses menandatangani MoU dan MoA yang dijalankan secara eSigning dan juga Virtual Signing Ceremony (Lampiran 2.4.3 b). Kaedah ini telah menunjukkan kadar kenaikan jumlah MoU/MoA yang di tandatangani pada musim Pandemik ini.

SENARAI BUKTI :

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak OIA sentiasa mendapat sokongan dari pihak kepimpinan kanan universiti yang sentiasa terbuka dengan penstrategian baru yang di cadangkan oleh OIA. Pihak kepimpinan kanan universiti juga sangat mendukung usaha usaha OIA di dalam menjalankan Aktiviti antarabangsa secara atas talian dengan melibatkan diri di dalam program yang dijalankan oleh OIA mahupun atas jemputan pihak universiti antarabangsa.

UiTM melalui fakulti, kampus cawangan, Hi-COE dan jabatannya secara aktif masih mampu menjalin hubungan yang kuat dengan rakan antarabangsa melalui kolaborasi secara atas talian. Mematuhi norma baru, MoU dan MoA ditandatangani melalui upacara menandatangani MoU secara Maya. Walaupun Pandemik telah menyebabkan kekangan untuk perkhidmatan pos dan kurir, OIA telah mulai memperkenalkan secara strategiknya proses “eSigning” untuk MoU dan MoA

Ini juga diadakan sebagai pilihan serta langkah penjimatan perbelanjaan termasuk biaya perjalanan. Pada tahun 2020, Universiti berjaya menjimatkan sehingga RM 70,000 bagi biaya perjalanan. Secara strategik, norma-norma baru telah menciptakan seribu kemungkinan untuk ‘Jumping continent’ bagi mengadakan pertemuan “eCollaborative”, termasuk aktiviti atas talian di kalangan kakitangan dan pelajar yang terkait dgn “Sustainable Development Goals” (Lampiran 2.5 a). Atas inisiatif secara atas talian ini, terdapat peningkatan sebanyak 62.5% ketas jumlah MoU/ Moa (Lampiran 2.5 b) serta jumlah pergerakan masuk mobiliti pelajar dari 1214 hingga 1259 pelajar, mobiliti pelajar keluar dari 950 hingga 1372 pelajar dan mobiliti masuk kakitangan dari 111 hingga 518 kakitangan dari tahun 2019 ke tahun 2020 (lampiran 2.5 c).

Pihak OIA akan mengekalkan Strategi norma baharu secara atas talian ini untuk tahun menempuhi tahun 2021 yang masih dibelenggu pandemik Covid-19. Penambahbaikan akan di lakukan keatas SOP dan juga mempercepatkan proses menandatangani MoU/MoA di kalangan PTJ dan Universiti antarabangsa. Sekiranya Pandemik berakhir, kaedah secara atas talian ini akan di teruskan kerana konsep “Jumping Continent” secara maya adalah satu inisiatif yang terbaik melihat kepada peningkatan jumlah kolaborasi dan juga MoU/MoA yang terjalin.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

**KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN
PENGETAHUAN**

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

